



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1995

PENJELASAN MENGENAI PERGERAKAN GAJI DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi penjelasan lanjut terhadap perenggan-perenggan 73, 75, 77 dan 78 di dalam [**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991**](#).

2. LATAR BELAKANG

2.1 [**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991**](#) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992 antara lain menyentuh tentang syarat-syarat perkhidmatan yang telah diubahsuai hasil pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Satu aspek syarat perkhidmatan yang mengalami perubahan ialah kaedah pergerakan gaji tahunan.

2.2 Kaedah pergerakan gaji tahunan (perenggan-perenggan 73, 75, 77 dan 78 dalam [**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991**](#)) sering menimbulkan kekeliruan tafsiran di kalangan pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi. Oleh yang demikian adalah difikirkan wajar penjelasan lanjut mengenai perkara tersebut diberi melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan ini supaya tafsiran dan tindakan yang seragam diambil berkaitan dengan perenggan perenggan tersebut.

3. PENJELASAN

3.1 Perenggan 73 -Pergerakan gaji anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan

Perenggan 73 berbunyi:

73. Anggota yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan serta genap tiga tahun perkhidmatan layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Pelaksanaan empat pergerakan gaji hanya akan bermula pada atau selepas 1 Januari 1993.

Perenggan ini merujuk kepada:

- (a) Anggota yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan sebelum 1.1.1992 serta menjalani genap tiga (3) tahun perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Contoh bagi kes ini seperti di [Lampiran 'A1'](#).
- (b) Anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada 1.1.1992 samada bagi lantikan pertama dalam perkhidmatan awam atau yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu kemudian dilantik ke jawatan baru melalui proses lantikan biasa, juga layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji setelah menggenapkan tempoh perkhidmatan selama tiga (3) tahun dan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang. Contoh bagi kes ini adalah seperti [Lampiran 'A2'](#).
- (c) Anggota yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) atau anggota yang dipendekkan atau dikecualikan tempoh percubaannya oleh pihak Berkuasa Melantik adalah layak dipertimbangkan salah satu daripada empat (4) cara pergerakan gaji setelah disahkan dalam perkhidmatan sekarang dengan syarat ia telah menjalani genap 3 tahun dalam perkhidmatan awam (termasuk jawatan lama). Contoh bagi kes ini adalah seperti [Lampiran 'A3'](#).

3.2 Perenggan 75-Pergerakan gaji anggota yang dilanjutkan tempoh percubaan

Perenggan 75 berbunyi:

75. Anggota yang berada dalam tempoh percubaan atau yang dilanjutkan tempoh

percubaan tanpa berdenda hanya layak dipertimbangkan untuk pergerakan gaji secara statik atau mendatar. Anggota yang dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda tidak layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan.

Perenggan ini merujuk kepada:

- (a) Anggota yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 1992 yang masih berada dalam tempoh percubaan atau yang dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda, layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar. Contoh bagi kes ini adalah seperti di [Lampiran 'B1'](#).
- (b) Anggota yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 1992 dan dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda, tidak layak diberi pergerakan gaji mulai tarikh perlanjutan tempoh percubaan dengan berdenda tersebut. Contoh bagi kes ini adalah seperti [Lampiran 'B2'](#).
- (c) Anggota yang dilantik sebelum 1 Januari 1992 dan dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda pada atau selepas 1 Januari 1992, tidak layak mendapat pergerakan gaji mulai tarikh perlanjutan tempoh percubaan dengan berdenda tersebut. Contoh bagi kes ini adalah seperti [Lampiran 'B3'](#).
- (d) Anggota yang tempoh percubaannya dilanjutkan dengan berdenda sebelum 1 Januari 1992 dan hanya disahkan dalam perkhidmatan selepas 1 Januari 1992, layak diberi kenaikan gaji secara isyarat bagi tempoh sebelum 1 Januari 1992 selaras dengan Peraturan 47, [Perintah Am Bab A, 1973](#). Bagi tempoh percubaan dengan berdenda mulai 1 Januari 1992, anggota berkenaan tidak layak mendapat pergerakan gaji. Contoh bagi kes ini adalah seperti di [Lampiran 'B4'](#).
- (e) Dalam keadaan anggota disahkan dalam perkhidmatan pada mana-mana tarikh yang menyebabkan tarikh pergerakan gajinya sama dengan tarikh pergerakan gaji asalnya, maka anggota layak dipertimbangkan salah satu daripada empat (4) cara pergerakan gaji pada tarikh yang sama pada tahun berikutnya. Contoh bagi kes ini adalah seperti di [Lampiran 'B5'](#).

3.3 Perenggan 77-Pergerakan gaji anggota yang bercuti separuh gaji (CSG) atau bercuti tanpa gaji (CTG)

Perenggan 77 berbunyi:

77. Anggota yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji berjumlah tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender adalah layak dipertimbangkan salah satu daripada empat cara pergerakan gaji. Anggota yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan.

Perenggan 77 bermaksud anggota yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji **atas apa sebab sekalipun**, yang melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender tidak layak mendapat pergerakan gaji pada tahun berikutnya. Bagi anggota yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji berjumlah 180 hari atau kurang dalam satu tahun kalender, layak dipertimbangkan salah satu daripada empat (4) cara pergerakan gaji pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun pergerakan gaji anggota yang bercuti tanpa gaji hanya diberi secara isyarat selagi ia masih berada dalam tempoh cuti tanpa gaji. Anggota yang cuti separuh gaji bolehlah dibayar secara sebenar. Contoh-contoh pergerakan gaji bagi anggota yang bercuti separuh gaji atau bercuti tanpa gaji adalah seperti [Lampiran ‘C1’ hingga ‘C4’](#).

3.4 Perenggan 78-Pergerakan gaji anggota yang cuti berkursus bergaji penuh

Perenggan 78 berbunyi:

78. Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi enam bulan, layak dipertimbangkan pergerakan gaji tahunan secara isyarat tertakluk kepada laporan kemajuan kursus.

Perenggan ini merujuk kepada:

- (a) Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi enam (6) bulan, layak dipertimbangkan salah satu daripada empat (4) cara pergerakan gaji secara isyarat tertakluk kepada laporan kemajuan kursus sekiranya tarikh pergerakan gaji anggota tersebut jatuh dalam tempoh ia cuti berkursus bergaji penuh. Contoh-contoh bagi kes ini

adalah seperti di [Lampiran 'D1' dan 'D2'](#).

- (b) Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh yang melebihi enam (6) bulan, yang tarikh mula cuti berkursus bergaji penuh sama dengan tarikh pergerakan gajinya, maka ia layak dipertimbangkan salah satu daripada empat (4) cara pergerakan gaji pada tarikh tersebut secara sebenar. Contoh bagi kes ini adalah seperti di [Lampiran 'D3'](#).
- (c) Anggota yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi enam (6) bulan tetapi telah menerima pergerakan gaji sebelum cuti berkursus bergaji penuh dan kembali melapor diri bertugas sebelum tarikh pergerakan gaji pada tahun berikutnya, tidak tertakluk kepada pergerakan gaji secara isyarat. Contoh bagi kes ini adalah seperti di [Lampiran 'D4'](#).

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai 1 Januari 1992. Pelarasan gaji sewajarnya perlu dibuat sekiranya telah berlaku salah tafsiran terhadap perenggan-perenggan berkenaan dan gaji yang terlebih bayar perlu dibayar balik. Semua surat-surat Jabatan ini yang berkaitan dengan penjelasan terhadap perenggan-perenggan berkenaan, sekiranya bercanggah dengan penjelasan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. MUHAMMAD RAIS BIN ABDUL KARIM),

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

Tarikh: 25 Februari 1995

Edaran Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

**CENTRAL PAYMENT OF SALARIES FOR MEMBERS
WHO ARE CURRENTLY EMPLOYED AND HAVE BEEN PLACED
IN SERVICE BEFORE THE DATE
OF THE NEW FOOD SECURITY SYSTEM (SSB)**

Jawatan: Pegawai Pertanian Gred G3

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|--------------------------------------|---|
| 21-11-1990 | 1170 | | Lantikan ke jawatan dengan tempoh percubaan 1 - 3 tahun. |
| 21-11-1991 | 1170 | | Disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-12-1991 | 1230 | | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-1-1992 | | 1334 (P1T5) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 1-10-1992 | | 1399 (P1T6) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak diberi pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saraan Baru. |
| 1-10-1993 | | 1464 (P1T7) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendaftar kerana belum genap 3 tahun perkhidmatan walaupun telah disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-10-1994 | | 1618 (P2T8) (sekiranya melintang) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji kerana telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah genap 3 tahun perkhidmatan. |

**CENTRALISED PAYMENT OF SALARY FOR MEMBERSHIP
WHO HAVE BEEN DISCHARGED FROM PREVIOUS SERVICE
AND THEN APPOINTED TO A NEW POSITION THROUGH
THE NORMAL SELECTION PROCESS**

Jawatan: Pembantu Pertanian, Gred G8 Ke Pegawai Pertanian Gred G3

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|-------------------------------------|--|
| 21-11-1990 | 435 | | Lantikan ke jawatan Juruteknik Pertanian (C1O) dengan tempoh percubaan 1 - 3 tahun. |
| 21-11-1991 | 435 | | Disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-12-1991 | 460 | | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-1-1992 | | 500 (P1T2) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks (Gred G8). |
| 1-10-1992 | | 527 (P1T3) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak diberi pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam Dalam Sistem Saran Baru. |
| 21-3-1993 | | 1269 (P1T4) | Lantikan ke jawatan Pegawai Pertanian (G3) dengan tempoh percubaan selama 3 tahun (21-3-1993 - 20-3-1996). |
| 1-1-1994 | | 1334 (P1T5) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang walaupun telah genap 3 tahun dalam perkhidmatan awam (termasuk jawatan lamanya). |

| | | | |
|-----------|--|--------------------------------------|--|
| 1-1-1995 | | 1399 (P1T6) (sekiranya mendatar) | -sda- |
| 1-1-1996 | | 1464 (P1T7) (sekiranya mendatar) | - sda - |
| 21-3-1996 | | 1464 (P1T7) | Disahkan dalam perkhidmatan |
| 1-1-1997 | | 1618 (P2T8) (sekiranya melintang) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji kerana telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang dan telah genap 3 tahun perkhidmatan. |

**CONTOH PELARASAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA YANG
DINAIKKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL)**

Jawatan: Pembantu Pertanian Gred G7 ke Penolong Pegawai Pertanian Gred G6

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|-------------------------------------|---|
| 1-4-1992 | 1417 (P1T6) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji atas Gred G7. Layak diberi pergerakan gaji mendarat mengikut Panduan Perlaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saraan Baru. |
| 25-8-1992 | 1429 (P1T17) | KPSL ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian (G6) dan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun. |
| 1-7-1993 | 1473(P1T18) (sekiranya mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak pergerakan gaji secara statik atau mendarat kerana belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang walaupun telah genap 3 tahun dalam perkhidmatan awam (termasuk jawatan lama). |
| 26-8-1993 | 1473 (P1T18) | Disahkan dalam perkhidmatan sekarang. |
| 1-7-1994 | 1553(P2T18) (sekiranya menegak) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji kerana telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang dan telah genap 3 tahun dalam perkhidmatan awam (termasuk jawatan lama). |

Catatan: Kaedah perlarasan pergerakan gaji yang sama juga terpakai bagi kes pegawai yang dipendekkan atau dikecualikan tempoh percubaannya oleh Pihak Berkuasa Melantik.

**CONTOH PELARASAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA
LANTIKAN PADA ATAU SELEPAS 1-1-92
YANG DILANJUTKAN TEMPOH PERCUBAAN TANPA BERDENDA**

Jawatan: Pembantu Tadbir Rendah Gred N11

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|------------------------------------|--|
| 1-2-1992 | 362 (P1T1) | Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 3 tahun (1-2-1992 - 31-1-1995). |
| 1-1-1993 | 379 (P1T2) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum genap 3 tahun perkhidmatan. |
| 1-1-1994 | 396 (P1T3) (sekiranya mendatar) | -sda- |
| 1-1-1995 | 413 (P1T4) (sekiranya mendatar) | -sda - |
| 1-2-1995 | 413 (P1T4) | Dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda selama 3 tahun (1-2-1995 - 31-1-1998). |
| 1-1-1996 | 430 (P1T5) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana belum disahkan dalam perkhidmatan walaupun telah melebihi 3 tahun perkhidmatan. |
| 16-7-1996 | 430 (P1T5) | Disahkan dalam perkhidmatan. |

| | | |
|----------|------------------------------------|---|
| 1-1-1997 | 447 (P1T6) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji tidak berubah selepas disahkan dalam perkhidmatan. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |
|----------|------------------------------------|---|

**CENTRAL PAYMENT SYSTEM
CONTOH PELARASAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA
LANTIKAN PADA ATAU SELEPAS 1-1-1992 YANG DILANJUTKAN
TEMPOH PERCUBAAN TANPA BERDENDA DAN KEMUDIANNYA
DENGAN BERDENDA**

Jawatan: Penolong Operator Kamera Gred N11

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|------------------------------------|--|
| 1-2-1992 | 379 (P1T2) | Tarikh lantikan dengan tempoh percubaan 3 tahun (1-2-1992 - 31.1.1995). |
| 1-1-1993 | 396 (P1T3) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum genap 3 tahun perkhidmatan. |
| 1-1-1994 | 413 (P1T4) (sekiranya mendatar) | -sda - |
| 1-1-1995 | 430 (P1T5) (sekiranya mendatar) | -sda- |
| 1-2-1995 | 430 (P1T5) | Dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda selama 1 tahun (1-2-1995 - 31-1-1996). |
| 1-1-1996 | 447 (P1T6) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana dilanjutkan tempoh percubaan tanpa berdenda. |
| 1-2-1996 | 447 (P1T6) | Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda selama 2 tahun (1-2-1996 - 31-1-1998). |

| | | |
|-----------|------------------------------------|--|
| 1-1-1997 | 447 (P1T6) | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana diberi perlanjutan tempoh percubaan dengan berdenda. |
| 16-7-1997 | 447 (P1T6) | Disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-7-1998 | 464 (P1T7) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji baru selepas disahkan dalam perkhidmatan. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

**CONTOH PELARASAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA
LANTIKAN SEBELUM 1-1-12 YANG DILANJUTKAN
TEMPOH PERCUBAAN DENGAN BERDENDA
PADA ATAU SELEPAS 1-1-1992**

Jawatan: Pembantu Tadbir (Kesetiausahaian) Gred N9

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK</i> <i>(RM)</i> | <i>Gaji SSB</i> <i>(RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------------|------------------------------------|--|
| 1-10-1991 | 510 | . | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-1-1992 | | 551 (P1T4) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 11-9-1992 | | 551 (P1T4) | Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda selama 3 tahun (11-9-1992 - 10-9-1995). |
| 1-10-1992 | | 551 (P1T4) | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda. |
| 25-6-1993 | | 551 (P1T4) | Disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-4-1994 | | 578 (P1T5) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji baru selepas disahkan dalam perkhidmatan. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

**CINTOH PELARASAN PERGERAKAN GAJI BAGI ANGGOTA
YANG DILANJUTKAN TEMPOH PERCUBAAN DENGAN BERDENDA
SEBELUM 1-1-1992 DAN DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN
PADA ATAU SELEPAS 1-1-1992**

Jawatan: Jurutera Gred J3

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|-------------------------------------|---|
| 16-4-1989 | 1350 | . | Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda selama 3 tahun (16-4-1989 - 15-4-1992) kerana belum lulus peperiksaan perkhidmatan. |
| 1-5-1989 | 1350 (1470) | . | Tarikh kenaikan gaji. Kenaikan gaji ditangguh kerana belum disahkan dalam perkhidmatan. Gaji yang dibayar adalah RM1350. |
| 1-5-1990 | 1350 (1530) | . | - sda - |
| 1-5-1991 | 1350 (1590) | . | - sda - |
| 1-1-1992 | | 1489 (P1T3) (1753 (P1T7)) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. Gaji yang dibayar adalah RM1489. |
| 1-4-1992 | | 1489 (P1T3) (1753 (P1T7)) | Tarikh pergerakan gaji baru. Tiada pergerakan gaji kerana dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda. |
| 12-4-1992 | | 1753 (P1T7) | Disahkan dalam perkhidmatan. Pelarasan gaji dibuat atas kenaikan gaji yang ditangguhkan pada 1-5-1989 sehingga 31-12-1991. Pelarasan dibuat seolah-olah kenaikan gaji tidak ditahan selaras dengan Peraturan 47, <u>Perintah Am Bab A, 1973</u> . |
| 1-4-1993 | | 1819 (P1T8) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji kerana telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah |

| | | | |
|--|--|--|--------------------------------|
| | | | melebihi 3 tahun perkhidmatan. |
|--|--|--|--------------------------------|

Catatan: Gaji dalam () adalah secara isyarat.

**CENTRAL PAYMENT SCHEME
FOR PAYMENT OF SALARY TO MEMBERS
WHICH IS CONTINUED DURING TRIAL PERIOD
AND NOT APPROVED IN THE SERVICE FOR ANY REASON
THE DATE WHICH DOES NOT CHANGE THE DATE
OF PAYMENT OF SALARY LATER**

Jawatan: Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans) Gred N9

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|------------------------------------|--|
| 15-1-1992 | 497 (P1T2) | Tarikh lantikan ke jawatan dengan tempoh percubaan selama 3 tahun (15-1-1992 - 14-1-1995) |
| 1-1-1993 | 524 (P1T3) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara statik atau mendatar kerana belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum genap 3 tahun perkhidmatan. |
| 1-1-1994 | 551 (P1T4) (sekiranya mendatar) | - sda - |
| 1-1-1995 | 578 (P1T5) (sekiranya mendatar) | - sda - |
| 15-1-1995 | 578 (P1T5) | Dilanjutkan tempoh percubaan dengan berdenda selama 3 tahun (15-1-1995 - 14-1-1998). |
| 20-3-1995 | 578 (P1T5) | Disahkan dalam perkhidmatan. |
| 1-1-1996 | 605 (P1T6) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji kerana telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah melebihi 3 tahun perkhidmatan. |

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG BERCUTI
SEPARUH GAJI ATAU BERCUTI TANPA GAJI**

Jawatan: Pengajar Gred J7

**Tempoh Cuti Separuh Gaji (CSG) atau
Cuti Tanpa Gaji (CTG): 15 Januari 1992 hingga 15 Disember 1992**

| <i>Tahun</i> | <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Hari</i> |
|--------------|---|-----------------------|
| 1992 | 15 Januari 1992 hingga 15 Disember 1992 | 336 hari |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 Januari

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|------------------------------------|--|
| 1-1-1991 | 755 | - | Tarikh kenaikan gaji. |
| 31-12-1991 | 785 | - | Diberi kenaikan gaji kerana tarikh kenaikan gaji sama dengan tarikh kuatkuasa SSB. |
| 1-1-1992 | | 881 (P1T13) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 15-1-1992 | | (881 (P1T13)) | Tarikh mula CSG/CTG. |
| 16-12-1992 | | 881 (P1T13) | Melapor diri bertugas selepas CSG/CTG. |
| 1-1-1993 | | 881 (P1T13) | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CSG/CTG melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender (CSG/CTG 1992: 336 hari). |
| 1-1-1994 | | 927 (P2T13) (sekiranya menegak) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

Catatan: (i) Bagi CSG, gaji sebenar dibayar adalah separuh daripada jumlah gajinya.
(ii) Gaji dalam () adalah secara isyarat.

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
BERCUTI SEPARUH GAJI DAN BERCUTI TANPA GAJI
SECARA BERSAMBUNGAN**

Jawatan: Pembantu Teknik Gred J5

Tempoh Cuti Separuh Gaji (CSG): 1 November 1991 hingga 30 April 1994

Tempoh Cuti Tanpa Gaji (CTG): 1 Mei 1994 hingga 31 Oktober 1994

| <i>Tahun</i> | <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Hari</i> |
|--------------|--|-----------------------|
| 1991 | 1 November 1991 hingga 31 Disember 1991 | 61 hari |
| 1992 | 1 Januari 1992 hingga 31 Disember 1992 | 366 hari |
| 1993 | 1 Januari 1993 hingga 31 Disember 1993 | 365 hari |
| 1994 | 1 Januari 1994 hingga 30 April 1994 – (120 hari) 1 Mei 1994 hingga 31 Oktober 1994 – (184 hari) | 304 hari |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 April

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|------------------------------|--|
| 1-11-1991 | (1150) | -- | Tarikh mula CSG. Gaji yang dibayar RM575. |
| 1-1-1992 | | (1260 (P1T8)) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 1-4-1992 | | (1304 (P1T19)) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Diberi pergerakan gaji mendatar tahun 1992 mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saraan Baru. |
| 1-4-1993 | | (1304 (P1T9)) | Tiada pergerakan gaji kerana bercuti separuh gaji |

| | | | |
|-----------|--------------------------------------|--|---|
| | | | melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender (CSG 1992 : 366 hari). |
| 1-4-1994 | (1304 (P1T9)) | | Tiada pergerakan gaji kerana bercuti separuh gaji melebihi 180 had dalam satu tahun kalender (CSG 1993 : 365 hari). |
| 1-5-1994 | (1304 (P1T9)) | | Tarikh mula CTG. |
| 1-11-1994 | 1304 (P1T9) | | Melapor diri bertugas selepas CSG/CTG. |
| 1-4-1995 | 1304 (P1T9) | | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CSG/CTG melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender (CSG/CTG 1994 : 304 hari). |
| 1-4-1996 | 1348 (P1T10) (sekiranya mendatar) | | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

Catatan: Gaji dalam () adalah secara isyarat.

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
BERCUTI SEPARUH GAJI ATAU TANPA GAJI
YANG TERPUTUS**

Jawatan: Pembantu Makmal Gred C6

Tempoh Cuti Separuh Gaji (CSG) atau Cuti Tanpa Gaji (CTG):

Cuti Pertama : 2 November 1992 hingga 30 Jun 1993

Cuti Kedua : 1 September 1993 hingga 30 November 1993

| <i>Tahun</i> | <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Hari</i> |
|--------------|--|-----------------------|
| 1992 | 2 November 1992 hingga 31 Disember 1992 | 60 hari |
| 1993 | 1 Januari 1993 hingga 30 Jun 1993 (181 hari) 1 September 1993 hingga 30 November 1993 (91 hari) | 272 hari |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 April

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|---------------------------|--|
| 1-1-1992 | 1417 (P1T6) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 1-4-1992 | 1482 (P1T7) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak diberi pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saran Baru. |
| 2-11-1992 | (1482 (P1T7)) | Tarikh mula CSG/CTG. |

| | | |
|-----------|--------------------------------------|---|
| 1-4-1993 | (1563 (P2T7)) (sekiranya menegak) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. (CSG/CTG 1992: 60 hari). |
| 1-7-1993 | 1563 (P2T7) | Melapor diri bertugas selepas CSG/CTG. |
| 1-9-1993 | (1563 (P2T7)) | Tarikh mula CSG/CTG yang baru. |
| 1-12-1993 | 1563 (P2T7) | Melapor diri bertugas selepas CSG/CTG. |
| 1-4-1994 | 1563 (P2T7) | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CSG/CTG melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender. (CSG/CTG 1993: 272 hari). |
| 1-4-1995 | 1631 (P2T8) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

Catatan: (i) Bagi CSG, gaji sebenar dibayar adalah separuh daripada jumlah gajinya.

(ii) Gaji dalam () adalah secara isyarat.

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
BERCUTI SEPARUH GAJI ATAU TANPA GAJI
SEBELUM 1-1-1992 DAN TAMAT SELEPAS 1-1-1992**

Jawatan: Pembantu Kajicuaca Gred C7

**Tempoh Cuti Separuh Gaji (CSG) atau
Cuti Tanpa Gaji (CTG): 7 Julai 1990 hingga 30 Mei 1993**

| <i>Tarikh</i> | <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Hari</i> |
|---------------|--|-----------------------|
| 1990 | 7 Julai 1990 hingga 31 Disember 1990 | 178 hari |
| 1991 | 1 Januari 1991 hingga 31 Disember 1991 | 365 hari |
| 1992 | 1 Januari 1992 hingga 31 Disember 1992 | 366 hari |
| 1993 | 1 Januari 1993 hingga 30 Mei 1993 | 150 hari |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 Julai

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|--------------------------|---|
| 1-8-1989 | 685 | | Tarikh kenaikan gaji. |
| 7-7-1990 | (685) | | Tarikh mula CSG/CTG. |
| 1-8-1990 | (710) | | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-8-1991 | (735) | | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-1-1992 | | (797 (P1T13)) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |

| | | | |
|----------|--|-------------------------------------|---|
| 1-7-1992 | | (824 (P1T14)) (mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Diberi pergerakan gaji mendatar walaupun jumlah CSG/CTG pada tahun 1991 melebihi 180 hari kerana berkelayakan mengikut peraturan JKK. |
| 1-6-1993 | | 824 (P1T14) | Melapor diri bertugas selepas CSG/CTG. |
| 1-7-1993 | | 824 (P1T14) | Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CSG/CTG melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar. (CSG/CTG 1992: 366 hari). |
| 1-7-1994 | | 851 (P1T15) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. (CSG/CTG 1993: 150 hari). |

Catatan: (i) Bagi CSG, gaji sebenar dibayar adalah separuh daripada jumlah gaji.
(ii) Gaji dalam () adalah secara isyarat.

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
CUTI BERKURSUS BERGAJI PENUH (CBBP) YANG
TARIKH PERGERAKAN GAJI BERIKUTNYA JATUH
PADA ATAU SELEPAS 1-1-1992**

Jawatan: Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M3

Tempoh Cuti Berkursus Bergaji Penuh (CBBP):

| <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Bulan</i> |
|---|------------------------|
| 1 Disember 1991 hingga 31 Disember 1994 | melebihi 6 bulan |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 April

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|--|--|
| 1-12-1991 | 2150 | -- | Tarikh mula CBBP. |
| 1-1-1992 | | 2367 (P1T16) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 1-4-1992 | | 2367 (P1T16) (2477 (P1T17) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saran Baru secara isyarat. Gaji yang dibayar hanya RM2367. |
| 1-4-1993 | | 2367 (P1T16) (2587 (P1T18)) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji secara isyarat. Gaji yang dibayar hanya RM2367. |
| 1-4-1994 | | 2367 (P1T16) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbang |

| | | | |
|----------|--|---------------------------------------|--|
| | | (2761 (P2T18)) (sekiranya menegak) | kan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji secara isyarat. Gaji yang dibayar hanya RM2367. |
| 1-1-1995 | | 2761 (P2T18) | Melapor diri bertugas selepas CBBP. |
| 1-4-1995 | | 2876 (P2T19) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG MULA
CUTI BERKURSUS BERGAJI PENUH (CBBP) DAN MEMPUNYAI
PERGERAKAN GAJI SEBELUM 1-1-1992
DALAM TEMPOH CBBP**

Jawatan: Pegawai Perubatan Gred U3

Tempoh Cuti Berkursus Bergaji Penuh (CBBP):

| <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Bulan</i> |
|---------------------------------------|------------------------|
| 11 April 1991 hingga 10 November 1993 | melebihi 6 bulan |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 Oktober

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|--|--|
| 11-4-1991 | 1650 | — | Tarikh mula CBBP. |
| 1-10-1991 | 1770 | — | Tarikh kenaikan gaji. Kenaikan gaji secara sebenar. |
| 1-1-1992 | 1770 | 1953 (P1T11) | Tarikh kuatkuasa SSB dan perpindahan ke tanggagaji matriks. |
| 1-10-1992 | | 1953 (P1T11) (2019 (P1T12)) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saran Baru secara isyarat. Gaji yang dibayar RM1953. |
| 1-10-1993 | | 1953 (P1T11) (2085 (P1T13)) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji secara isyarat. Gaji yang dibayar hanya RM1953. |
| 11-11-1993 | | 2085 (P1T13) | Tarikh melapor diri bertugas selepas CBBP. |
| 1-10-1994 | | 2151 (P1T14) | Tarikh pergerakan gaji. Layak |

| | | | |
|--|--|----------------------|---|
| | | (sekiranya mendatar) | dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |
|--|--|----------------------|---|

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG CUTI
BERKURSUS BERGAJI PENUH (CBBP) BERMULA
PADA TARIKH YANG SAMA DENGAN
TARIKH PERGERAKAN GAJI**

Jawatan: Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S2

Tempoh Cuti Berkursus Bergaji Penuh (CBBP):

| <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Bulan</i> |
|---------------------------------|------------------------|
| 1 Julai 1992 hingga 25 Jun 1994 | melebihi 6 bulan |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 Julai

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji JKK (RM)</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|--------------------------|---|--|
| 1-7-1991 | 2760 | - | Tarikh kenaikan gaji. |
| 1-1-1992 | | 2981 (P1T1) | Tarikh kuatkuasa SSB dan pemindahan gaji ke tanggagaji matriks. |
| 1-7-1992 | | 3127 (P1T2) (mendarat) | Tarikh pergerakan gaji dan tarikh mula CBBP. Layak dipertimbangkan pergerakan gaji mendatar mengikut Panduan Pelaksanaan Pemindahan Gaji dan Penetapan Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan Anggota Perkhidmatan Awam dalam Sistem Saraan Baru. Pergerakan gaji diberi secara sebenar kerana tarikh mula CBBP adalah sama dengan tarikh pergerakan gaji. |
| 1-7-1993 | | 3127 (P1T2) (3273 (P1T3)) (sekiranya) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan. salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji secara isyarat. |

| | | | |
|-----------|--|-----------------------------------|---|
| | | mendarat) | Gaji yang dibayar RM3127. |
| 26-6-1994 | | 3273 (P1T3) | Melapor diri bertugas selepas CBBP. |
| 1-7-1994 | | 3437(P2T3) (sekiranya menegak) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dibayar salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |

**CONTOH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
CUTI BERKURSUS BERGAJI PENUH (CBBP)
MELEBIHI 6 BULAN DAN TIDAK TERTAKLUK
KEPADА PERGERAKAN GAJI SECARA ISYARAT**

Jawatan: Guru Bahasa Gred DG3

Tempoh Cuti Berkursus Bergaji Penuh (CBBP)

| <i>Tempoh</i> | <i>Perkiraan Bulan</i> |
|---------------------------------|------------------------|
| 7 Julai 1993 hingga 25 Jun 1994 | melebihi 6 bulan |

Tarikh Pergerakan Gaji SSB: 1 Julai

| <i>Tarikh</i> | <i>Gaji SSB (RM)</i> | <i>Catatan</i> |
|---------------|-------------------------------------|---|
| 1-7-1993 | 1530 (P1T8) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji. |
| 7-7-1993 | 1530 (P1T8) | Tarikh mula CBBP. |
| 26-6-1994 | 1530 (P1T8) | Melapor diri bertugas selepas CBBP. |
| 1-7-1994 | 1595 (P1T9) (sekiranya mendatar) | Tarikh pergerakan gaji. Layak dipertimbangkan salah satu daripada 4 cara pergerakan gaji sebenar. |